

D673

B B676 AAB
MAHATHIR - MUSA R R R

(1)

IPOH, 14 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BAHAWA BELIAU TERPAKSA MENUNGGU KEPULANGAN ROMBONGAN EMPAT ORANG MENTERI BESAR SEBELUM BELIAU DAPAT MENGULAS APA-APA MENGENAI KEDUDUKAN DATUK MUSA HITAM.

PERDANA MENTERI MENYIFATKAN LAPORAN BAHAWA MENTERI BESAR TERENGGANU, DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, YANG MENEGETUAI ROMBONGAN ITU, TELAH MENELEFONNYA UNTUK MENYAMPAIKAN KEPUTUSAN DATUK MUSA, SEBAGAI +LAPORAN AKHBAR SAJA+.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT DENGAN PARA ANGGOTA JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI DAN JAWATAMUASA BARISAN NASIONAL NEGERI DI KEDIAMAN MENTERI BESAR DI SINI, BELIAU BERKATA BAHAWA TIDAKLAH WAJAR BAGINYA UNTUK MEMBUAT APA-APA ULASAN (MENGENAI PERKARA ITU) PADA MASA INI KERANA ROMBONGAN ITU DIHANTAR OLEH MAJLIS TERTINGGI UMNO.

KETIKA DITANYA BILA BELIAU MENJANGKA ROMBONGAN ITU MENEMUINYA DAN MEMBERI TAKLIMAT, PERDANA MENTERI BERKATA, ITU BERGANTUNG KEPADA BILA MEREKA AKAN PULANG KE TANAH AIR.

+MEREKA AKAN MENEMUI SAYA DI SINI JIKA MEREKA PULANG HARI INI ATAU ESOK. BERGANTUNG KEPADA BILA MEREKA AKAN KEMBALI,+ TAMBAHNYA.
-- LAGI.

1513MST 14 03 86

D675

B B677 AAB
MAHATHIR -- MUSA 2 IPOH R R R

(1)

APABILA DIBERITAHU BAHAWA ROMBONGAN ITU TELAH BERLEPAS DARI LONDON MALAM TADI, PERDANA MENTERI BERKATA: +SAYA TIDAK TAHU, SAYA FIKIR ANDA (PEMBERITA) LEBIH TAHU.+

MENGENAI MESYUARAT HARI INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MESYUARAT ITU ADALAH MESYUARAT BIASA UNTUK MENDENGAR PERSEDIAAN MEREKA BAGI MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

INI UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA SENTIASA BERSIAP SEDIA PADA BILA-BILA MASA PILIHAN RAYA DIADAKAN, SAMBIL BELIAU MENAMBAH BAHAWA BELUM ADA TARIKH YANG DITETAPKAN BAGI PILIHAN RAYA UMUM ITU.

KETIKA DITANYA JIKA KERAJAAN BERCADANG MENGADAKAN PILIHAN RAYA PADA MEI INI, KATANYA: +SAYA TIDAK TAHU. ITU HANYA SPEKULASI SAHAJA.+

-- BERNAMA.

1517MST 14 03 86